

20 SEP 2002

BELANJAWAN-CUKAI KORPORAT

CUKAI KORPORAT LEBIH RENDAH UNTUK SYARIKAT KECIL DAN SEDERHANA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Syarikat kecil dan sederhana yang modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah akan dikenakan cukai korporat sebanyak 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga RM100,000, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi pendapatan bercukai selebihnya, kadar cukai 28 peratus dikekalkan, kata beliau ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen di sini hari ini.

Dividen yang diagihkan akan diberi kredit cukai sebanyak 20 peratus di peringkat pemegang saham, kata beliau yang juga Menteri Kewangan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2003, selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan lagi pelaburan tempatan terutamanya oleh syarikat kecil dan sederhana, kata beliau.

Pada masa ini, semua syarikat di Malaysia dikenakan cukai korporat sebanyak 28 peratus ke atas pendapatan bercukai.

Tetapi dengan mengambil pertimbangan galakan cukai yang disediakan, kadar cukai berkesan adalah lebih rendah, misalnya bagi sektor pembuatan adalah lebih kurang 8 peratus sahaja, kata beliau.

Walau bagaimanapun, syarikat kecil dan sederhana kurang mendapat manfaat daripada galakan cukai yang disediakan berbanding dengan syarikat besar, dan dengan itu, kadar cukai berkesan bagi syarikat kecil dan sederhana adalah lebih tinggi, tambah beliau. -- BERNAMA

MSL OS